



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 30 April 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## **Sandakan firm under probe for misuse of subsidised cooking oil**

**SANDAKAN:** A cooking oil repacking company is being investigated for allegedly distributing subsidised 1kg cooking oil packets to unauthorised retailers, violating government guidelines.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry's Sandakan branch revealed that a recent compliance audit uncovered 13 tonnes (38%) of the company's 34-tonne subsidised oil allocation had been diverted to unapproved premises.

District enforcement chief Azdy Zukkry John said action was taken under the Control of Supplies Act 1961, with seized documents including invoices, sales receipts, and stock records.

Since August 2024, repacking firms have been required to follow strict delivery rules to prevent subsidy leaks. The ministry warned all distributors to comply, ensuring aid reaches rightful recipients.

The penalties for individuals under the Control of Supplies Act are up to RM1 million fine, three years' jail, or both, for individuals. For companies: Up to RM2 million fine (higher for repeat offenders).

Consumers can report irregularities via: Hotline: 1-800-886-800, WhatsApp: 019-848 8000, E-aduan portal (<http://eaduan.kpdn.gov.my>), Ez Adu KPDN app, Enforcement Command Centre: 03-8882 6088/6245



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Perang dagang China-AS ubah persepsi terhadap jenama global



Pensyarah Kanan  
Johor Business  
School, Universiti  
Tun Hussein Onn  
Malaysia (UTHM)

Oleh Noor Aslinda Abu Seman  
bhrencana@bh.com.my

Dalam era ketegangan geopolitik dan perang dagang, jenama terkemuka menerima dua tekanan besar serentak. Pertama, tindakan Amerika Syarikat (AS) menaikkan tarif import hingga 125 peratus memaksa peniaga domestik menyesuaikan harga.

Kedua, China membalas dengan tarif 34 peratus ke atas semua barangan AS dan memperketat peraturan import produk mewah Barat.

Pada masa sama, fenomena spill the tea, iaitu dakwaan sebahagian kilang China di platform video bahawa kebanyakan barangan mewah global 'sebenarnya dihasilkan di China'.

Ia mencipta keraguan kepada pengguna, termasuk Malaysia sedangkan pasaran mewah itu diunjur mencapai AS\$2.77 bilion (RM12 bilion) pada 2025.

Walaupun tular di media sosial, tiada bukti kukuh menunjukkan label Made in China pada produk rasmi jenama mewah Barat. Kesemua video dipertontonkan memaparkan produk tanpa logo atau sampel tiruan.

Ini menegaskan 'pendedahan' dibuat sebenarnya lebih kepada naratif pemasaran kilang pengeluar peralatan asal (OEM) dan barangan tiruan, bukan bukti sebenar lokasi pembuatan produk berjenama.

Sementara itu, pasaran Daigou - pembelian barangan di satu negara untuk dijual semula secara tidak rasmi di negara lain - terus berleluasa di China, menyumbang antara 60 peratus

hingga 70 peratus daripada jumlah jualan rasmi sesetengah jenama.

Aktiviti pasaran samar (grey market) ini merosakkan ekuiti jenama, memaksa pengeluar rasmi menanggung kerugian pendapatan dan kehilangan kawalan harga.

Di tengah kekusutan ini, jenama mewah Barat mula merangka strategi proaktif untuk memulihkan reputasi dan memenuhi tuntutan ketelusan. Sesetengah rumah fesyen berganding dengan pengengaruh tempatan, menyesuaikan kempen mengikut cita rasa budaya setempat serta menggunakan data analitik platform seperti Xiaohongshu untuk menyasarkan pengguna muda.

Jenama lain pula menamakan semula produk dengan istilah tempatan yang menggugah emosi, memperlihatkan kepekaan budaya dan membina hubungan lebih dekat dengan pelanggan berprinsip.

## Lambakan barang tiruan

Di negara ini, e-dagang dan media sosial memainkan peranan penting. Saiz pasaran e-dagang tempatan dijangka melebihi RM51 bilion menjelang 2025, dengan 73 peratus pengguna membeli terus melalui platform sosial, jauh melebihi purata global 44 peratus.

Platform jualan semula seperti Shop My Luxury Bag (SMLB) turut berkembang, selari dengan 23 peratus lonjakan jualan semula di AS pada 2024, membolehkan pengguna menikmati gaya hidup mewah dengan harga lebih mampan.

Namun, lambakan barangan tiruan menjejaskan kepercayaan pengguna. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menjalankan operasi serbuan di pusat beli-belah fizikal dan stor dalam talian, menguatkuasakan pematuhan Akta Cap Dagangan

2019 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

Statistik rampasan barangan tiruan meningkat setiap tahun, menandakan usaha penguatkuasaan berterusan.

Ia juga berkait dengan industri pelancongan yang terus memberikan sumbangan besar. Pelancong dari China dan Asia Pasifik sering menjadi pembeli utama, manakala urbanisasi pesat dan pertumbuhan kelas menengah atas (42 peratus tertumpu di barat daya) memperluas pasaran mewah tempatan.

Namun, demografi ini menuntut lebih daripada sekadar jenama dan status. Mereka mahukan ketelusan, kisah di sebalik produk serta nilai etika.

Dari sudut psikografi, pengguna Malaysia kini terdorong oleh integriti, keaslian, dan kelestarian. Motivasi membeli bukan lagi semata-mata untuk status sosial.

Golongan muda khususnya mencari produk mencerminkan nilai budaya dan tanggungjawab sosial jenama, menolak naratif mewah yang hanya bergantung pada logo serta harga premium.

Tidak kurang pentingnya, inflasi, turun naik tukaran mata wang dan tarif AS terus menekan harga barangan mewah, memaksa jenama menyesuaikan strategi harga serta menggalakkan subsidi industri tempatan.

Pada era perang tarif dan spill the tea ini, ketelusan menjadi kemewahan paling bernilai. Jenama yang berani berkongsi proses pembuatan dan menegakkan etika perniagaan akan memenangi hati pelanggan berprinsip.

Satu video viral mampu meruntuhkan mitos mewah bertahun-tahun dan bagi generasi hari ini, integriti itulah kemewahan sebenar.

# Perdim bantah paparan harga ubat

Oleh **JOHANNA MUMTAZ WANPA**  
johanna.pa@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim) membantah cadangan penguatkuasaan paparan harga ubat di hospital dan klinik swasta bermula 1 Mei ini.

Presidennya, Dr. Boi Saidi B. Abd. Razak berkata, pelaksanaan dasar itu dilihat sebagai satu bentuk campur tangan yang tidak wajar oleh Kementrian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam sektor kesihatan.

Katanya, selain menimbulkan kekeliruan dalam penguatkuasaan, tindakan itu juga akan membebankan operasi pentadbiran klinik swasta.

"Penggunaan dua akta serentak yang mengawal selia perkhidmatan klinik swasta akan menyebabkan pertindihan kuasa dan kekeliruan dalam pentadbiran. Ia juga memberi tekanan yang tidak

sepatutnya kepada pengusaha klinik.

"Campur tangan KPDN melalui Akta 723 tidak munasabah kerana tiada kawalan harga ubat di Malaysia. Malah, kami bimbang dengan risiko dikenakan kompaun atau hukuman penjara ke atas kesalahan kecil yang berlaku tanpa budi bicara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam akhbar ini melaporkan, hospital dan klinik swasta akan memaparkan harga ubat-

ubatan di fasiliti mereka bermula 1 Mei ini selaras dengan dasar ketelusan harga dalam perkhidmatan kesihatan.

Boi berkata, pihaknya bersama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) kesihatan lain turut berpandangan bahawa harga ubat sepatutnya ditentukan oleh klinik dan bukannya dikawal oleh agensi luar yang tiada autoriti perubatan.

Katanya, penguatkuasaan itu juga tidak akan memberi manfaat besar kepada pesakit dalam

mendapatkan maklumat sebenar kos rawatan di klinik swasta.

"Cadangan penguatkuasaan ini tidak membantu pengguna seperti yang disasarkan, lebih baik sekiranya dibuat di bawah pekeliling dalaman Kementerian sahaja serta dilaksanakan secara pilihan oleh pemilik klinik.

"Langkah itu juga seharusnya tidak disandarkan pada mana-mana akta yang boleh membawa hukuman kompaun atau penjara," katanya.

## Pamer elak caj tersembunyi

**PETALING JAYA:** Orang ramai menyokong saranan harga ubat dipamer di semua klinik swasta dan farmasi, bagi mengelakkan caj tersembunyi serta membebaskan pengguna.

Tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati rata-rata mendakwa pernah dikenakan caj ubat yang tinggi tanpa perincian, selain berdepan kesukaran membuat perbandingan harga kerana tiadanya ketelusan dalam kos ubat yang diberikan.

Penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia, Norazarina Mohd Azmi, 22, memuji langkah kerajaan agar memaparkan harga ubat, namun kerajaan perlu memperjelas pelaksanaannya kerana masih belum menyeluruh.

"Saya sendiri pernah dicaj terlalu mahal untuk ubat tetapi bagi saya, apa yang lebih penting adalah ketelusan dalam pelaksanaannya. Bagi saya, apabila kita pergi ke klinik swasta, kita sedia maklum bahawa mahal," katanya.

Menurut Norazarina, pengguna biasanya tidak mengetahui nama atau jenis ubat yang diberikan, justeru sukar untuk mereka membuat pilihan meskipun harga dipaparkan.

"Kita cuma tengok harga, tapi tak boleh pilih ubat tanpa nasihat doktor. Kecuali kalau



**NORAZARINA MOHD AZMI**

kita dah biasa guna ubat tu, baru kita tahu apa nak minta," tambahnya.

Pekerja swasta, Nurhazlina Nasar, menceritakan pengalamannya dikenakan caj ubat mencecah RM150 tanpa penjelasan lengkap, hanya menerima bil ringkas tanpa pecahan harga.

"Saya rasa tertipu. Kalau harga dipamer lebih awal, sekurang-kurangnya kita boleh buat keputusan. Jangan bila dah sakit, baru tahu ubat mahal," katanya.

Ibu tunggal, Sutinah Hakim, 45, pula berkata, ketelusan harga ubat amat penting khususnya bagi golongan berpendapatan rendah yang perlu membuat pilihan berdasarkan kemampuan.

"Anak saya menghidap asma,

ubat bulanan memang perlu. Kalau tahu harga, saya boleh rancang perbelanjaan. Sekarang ni, semua bergantung kepada budi bicara klinik," katanya.

Sementara itu, pelajar universiti, Nurul Izzah Rosli, 21, menyifatkan pemaparan harga ubat sebagai satu bentuk hak pengguna yang perlu dihormati oleh semua penyedia perkhidmatan kesihatan.

"Kalau makanan pun wajib letak tanda harga, kenapa ubat tidak? Kadang ubat biasa pun dikenakan caj tinggi. Bila harga dipamer, kita boleh tanya doktor atau minta alternatif," ujarnya.

Semalam Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Prof. Amrahi Buang menegaskan pengguna berhak tahu harga ubat yang mereka terima dan membeli, sambil menyokong penuh cadangan agar harga ubat dipamer secara terbuka.

Beliau yang menggesa kerajaan mewujudkan sistem harga kawalan atau siling bagi mengelakkan jurang harga terlalu besar antara premis, sekali gus mencegah manipulasi berikutan sistem sedia ada menjejaskan akses kepada ubat yang adil dan mampu milik, terutama bagi mereka yang bergantung kepada sektor swasta apabila fasiliti awam tidak mencukupi.

## Beras putih tempatan kini 'berlambak'

- Ramai yang ambil kesempatan beli borong buat stok
- Perniagaan kembali rancak kerana dikunjungi pelanggan

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING, MUHAMMAD ZIKRI, OTHMAN YAHAYA dan MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

**PETALING JAYA** – Pengguna kini boleh menarik nafas lega selepas bekalan beras putih tempatan (BPT) boleh diperolehi di mana-mana premis termasuk pasar raya di seluruh negara selepas 3.16 juta kampakit beras 10 kilogram (kg) diagihkan melalui lebih 47,000 premis runcit berdaftar di seluruh negara.

Mereka juga tidak perlu lagi mencari beras tersebut dari satu kedai ke satu kedai lain kerana sebelum ini bahan asas itu sukar didapati.

Di **Johor Bahru**, Johor, tinjauan di beberapa pasar raya di sekitar bandar raya itu mendapati, bekalan BPT sudah dipamerkan dalam kuantiti yang banyak.

+ Seorang suri rumah, Siti Noor Asiah Muda, 36, berkata, dia



SEORANG pelanggan menunjukkan beras tempatan yang banyak dijual di sebuah pasar raya di Pontian semalam.

bersyukur kerana bekalan beras sudah banyak dan dia boleh membelinya pada harga rendah berbanding terpaksa menggunakan beras putih import sebelum ini.

Lagipun katanya, kerajaan membenarkan pengguna membeli hingga lima kampakit beras tempatan 10kg berbanding satu kampakit sebelum ini.

"Saya berbincang dengan suami untuk membeli tiga kampakit untuk bulan ini sebagai stok," katanya ketika ditemui di sebuah pasar raya di Taman Suria semalam.

Dalam pada itu, di **Sungai Petani**, Kedah, seorang peniaga kedai runcit di Taman Kelisa Ria yang mahu dikenali sebagai Baba berkata, perniagaannya kem-

bali rancak selepas bekalan BPT boleh didapati dengan mudah pada masa ini.

"Kalau dulu pelanggan datang ke kedai sekadar bertanya saya menjual BPT bersubsidi atau tidak sebelum mereka membeli barang keperluan lain.

"Tetapi sekarang selepas bekalan BPT mudah diperolehi, pelanggan banyak berbelanja di

kedai saya dan tidak lagi perlu ke pasar raya besar yang secara langsung turut menambah pendapatan peniaga di pinggir bandar seperti saya," katanya.

Bagi suri rumah, Haslinda Arshad, 47, dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu berkata, dia bersyukur kerana bekalan 'beras murah' telah mudah diperolehi berbanding sebelum ini.

"Saya yang bekerja sebagai pembantu kedai dengan pendapatan tak seberapa boleh menarik nafas lega.

"Ini kerana tidak perlu bimbang lagi berkaitan kos sara hidup yang tinggi apabila boleh membeli beras murah untuk dimakan oleh ahli keluarga seramai tujuh orang," katanya.

Di **Ipo**, Perak, beberapa pengguna yang ditemui menyifatkan bekalan BPT yang semakin mudah diperolehi di pasaran ketika ini boleh menjimatkan perbelanjaan harian mereka.

Seorang suri rumah, Adilah Wahab, 35, berkata, dia amat bersyukur kerana bekalan BPT sudah ada di pasaran semula.

"Dapatlah menjimatkan wang berbanding dahulu kerana harga beras import mahal, sekitar RM35 hingga RM40.

"Keluarga saya ramai, ada enam orang semuanya dan anak-anak pun semakin membesar," katanya.





EKONOMI

## Bantu rakyat hadapi cabaran ekonomi

Pakar ekonomi berpendapat tangguh peluasan skop SST langkah pragmatik

KUALA LUMPUR

Langkah penangguhan pelaksanaan peluasan skop cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dijangka menyebabkan kutipan hasil kerajaan berkurangan dalam jangka pendek, namun memberi peluang kepada peniaga, pasaran serta isi rumah bersedia menghadapi cabaran ekonomi mendatang.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, keputusan kerajaan itu juga dilihat wajar dan pragmatik berikutan cabaran luaran termasuk kenaikan tarif oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap barangan import tertentu akan beri kesan langsung kepada sektor eksport Malaysia.

Menurutnya, kerajaan perlu berhati-hati melaksanakan SST kerana ia turut beri kesan kepada syarikat dan peniaga berorientasikan eksport.

Peluasan skop SST yang dijadual bermula Mei ini sebagaimana diumumkan dalam Belanjawan 2025 akan dilaksanakan pada tarikh kemudian, kata jurucakap Kementerian Kewangan ketika diminta mengesahkan laporan mengenai penangguhan itu pada Selasa.

Jurucakap itu berkata, kementerian juga telah selesai melakukan sesi libat urus dengan pelbagai industri di seluruh negara dalam memuktamadkan skop peluasan dan kadar cukai berkaitan. Garis panduan dan skop itu sedang diperhalusi bagi memastikan pelaksanaan yang lancar.

Dalam pada itu, mengulas pertumbuhan ekonomi negara, Mohd Afzanizam berkata, kerajaan perlu menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi yang sebelum ini dalam julat 4.5 peratus hingga 5.5 peratus.

Ia susulan kenyataan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia sebelum ini yang telah menyemak semula unjuran pertumbuhan Malaysia masing-masing pada 4.1 pe-

ratus dan 3.9 peratus.

Sementara itu, Ketua Penyelidikan Pelaburan UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd, Mohd Sedek Jantan berkata, kerajaan mungkin mengambil maklum aspek sentimen awam terutamanya kerana tindakan peluasan SST boleh dianggap sebagai menambah kos sara hidup dalam ketidaktentuan ekonomi.

Justeru, menurutnya, penangguhan itu membolehkan penggubal dasar menyampaikan matlamat dasar dengan lebih baik, selain menguruskan reaksi orang ramai secara lebih berkesan.

"Bagi saya, langkah penangguhan itu memaparkan satu tindakan berhati-hati dalam menyeimbangkan matlamat fiskal, kestabilan ekonomi serta persiapan pentadbiran," katanya.

Menurutnya, dari perspektif ekonomi, rangka kerja SST yang lebih luas dijangka memberi kesan ketara terhadap pengguna dan perniagaan.

"Pengguna mungkin berdepan harga lebih tinggi apabila firma menanggung beban cukai tambahan, manakala perniagaan pula melibatkan kalangan dalam sektor paling terjejas," katanya. - *Bernama*



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 30 APRIL 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-Apr	Gelagat Aunty Dapat 'Full Mark' Sewaktu Kedai Runcit Digempur KPDN Melaka Cetus Gelak Tawa Ramai	<a href="https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2025/04/29/video-gelagat-aunty-dapat-full-mark-sewaktu-kedai-runcit-digempur-kpdn-melaka-cetus-gelak-tawa-ramai/">https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2025/04/29/video-gelagat-aunty-dapat-full-mark-sewaktu-kedai-runcit-digempur-kpdn-melaka-cetus-gelak-tawa-ramai/</a>	THE RAKYAT POST
30-Apr	Drug Price Display May Not Be Helpful: A Patient's Perspective	<a href="https://codeblue.galencentre.org/2025/04/drug-price-display-may-not-be-helpful-a-patients-perspective/">https://codeblue.galencentre.org/2025/04/drug-price-display-may-not-be-helpful-a-patients-perspective/</a>	CODEBLUE
30-Apr	Padah seleweng 13 tan metrik minyak masak peket	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/725761/berita/semasa/padah-seleweng-13-tan-metrik-minyak-masak-peket">https://www.sinarharian.com.my/article/725761/berita/semasa/padah-seleweng-13-tan-metrik-minyak-masak-peket</a>	SINAR HARIAN
30-Apr	Syarikat pembungkus minyak masak subsidi Sandakan dikenakan tindakan KPDN	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/04/29/syarikat-pembungkus-minyak-masak-subsidi-sandakan-dikenakan-tindakan-kpdn/">https://www.tvsarawak.my/2025/04/29/syarikat-pembungkus-minyak-masak-subsidi-sandakan-dikenakan-tindakan-kpdn/</a>	TVS
30-Apr	Gagal patuhi arahan edaran minyak masak subsidi, syarikat pembungkus dikenakan tindakan	<a href="https://sabahmedia.com/2025/04/29/gagal-patuhi-arahan-edaran-minyak-masak-subsidi-syarikat-pembungkus-dikenakan-tindakan/">https://sabahmedia.com/2025/04/29/gagal-patuhi-arahan-edaran-minyak-masak-subsidi-syarikat-pembungkus-dikenakan-tindakan/</a>	SABAH MEDIA
30-Apr	Sandakan company probed for diverting subsidised cooking oil to unauthorised retailers	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/29/sandakan-company-probed-for-diverting-subsidised-cooking-oil-to-unauthorised-retailers">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/29/sandakan-company-probed-for-diverting-subsidised-cooking-oil-to-unauthorised-retailers</a>	THE STAR

30-Apr	Kaut untung berjuta, jual minyak enjin palsu label jenama terkenal	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/04/29/kaut-untung-berjuta-jual-minyak-enjin-palsu-label-jenama-terkenal/">https://www.kosmo.com.my/2025/04/29/kaut-untung-berjuta-jual-minyak-enjin-palsu-label-jenama-terkenal/</a>	KOSMO
30-Apr	PDRM, KPDM serbu tiga premis botolkan minyak enjin disyaki palsu	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1390301/pdrm-kpdm-serbu-tiga-premis-botolkan-minyak-enjin-">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1390301/pdrm-kpdm-serbu-tiga-premis-botolkan-minyak-enjin-</a>	BERITA HARIAN